

## Enam lokasi berisiko mati lemas

**JBPM kenal pasti kawasan berisiko di seluruh negara**

NILAI

**J**abatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengenal pasti enam kawasan berisiko mati lemas di seluruh negara pada tahun ini.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid berkata, ia membabitkan lima kawasan sungai di Kedah, Perak dan Sabah serta satu kawasan air terjun di Terengganu dengan kematian akibat lemas direkodkan seramai 14 orang di kawasan terabit sehingga Oktober lepas.

"Kadar kematian akibat lemas di seluruh negara setiap tahun adalah tiga atau empat kali ganda berbanding mangsa kebakaran sejak 2018.

"Kebanyakan mangsa lemas ini merupakan pelajar sekolah dan kebiasaannya mangsa adalah orang luar dan bukan penduduk tempatan di kawasan itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pentauliah Pegawai Bomba Bantuan Siswa Universiti Awam 2019 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini yang turut dihadiri Naib Canselor USIM Prof Dr Mohamed Ridza Wahiddin.

Bagi 2016 hingga 2018, JBPM merekodkan sebanyak 15 kawasan dikenal pasti berisiko tinggi mati lemas membabitkan lima

kawasan sungai di Sabah, Selangor dan Kelantan, empat kawasan air terjun di Selangor, Terengganu dan Pahang, tiga kawasan pantai di Kelantan dan Pulau Pinang dan tiga kawasan tasik, lombong dan empangan di Selangor dengan kekeparan insiden mati lemas lebih daripada lima mangsa.

Selain itu, sebanyak 39 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan berisiko mati lemas membabitkan sembilan kawasan sungai di Kedah, Negeri Sembilan, Sarawak dan Terengganu, lima kawasan air terjun di Terengganu, Selangor, Pahang dan Perak, lima kawasan tasik, lombong, empangan dan jambatan di Johor, Kuala Lumpur, Sarawak dan Perak serta 20 kawasan pantai di Terengganu, Negeri Sembilan,

Sarawak, Kelantan, Perak, Sabah, Selangor dan Pahang, bagi tempoh 2016 hingga 2018.

Ia membabitkan kekeparan insiden mati lemas kurang daripada lima mangsa.

Sementara itu, Mohammad Hamdan berkata, 80 peratus daripada keseluruhan 15,000 anggota JBPM dibekukan cuti sebagai persiapan menghadapi monsun timur laut yang dijangka berlaku bermula bulan ini sehingga bulan hadapan.

Terdahulu, seramai 168 orang Pegawai Bantuan Siswa terdiri daripada 42 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Teknologi Mara (51) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (75) berjaya ditauliahkan. - Bernama



Mohammad Hamdan (kiri) memakamkan Pingat Kehormat JBPM kepada Mohamed Ridza pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Majlis Terima Sijil Pentauliah Pegawai Bomba Bantuan Siswa di USIM semalam.